

## PROMOSI ISTIMEWA DEPOSIT TETAP-i DALAM TALIAN

Dikemas kini pada 18 Julai 2023

### TEMPOH PROMOSI

“Promosi Deposit Tetap-i Dalam Talian” (“Promosi”) Hong Leong Islamic Bank Berhad (200501009144 686191-W) (“HLISB”) (dirujuk juga sebagai “Bank”) bermula pada 24 Julai 2023 dan berakhir pada 26 Julai 2023, termasuk kedua-dua tarikh, atau apabila mencapai jumlah saiz dana seperti yang dinyatakan dalam **Klausa 13** di bawah, mengikut mana-mana yang terdahulu (“Tempoh Promosi”), melainkan diberitahu sebaliknya.

### TERMA & SYARAT

Terma dan syarat berikut adalah terpakai untuk Promosi di bawah (“T&S”)

### KELAYAKAN

1. Promosi ini terbuka kepada semua pelanggan yang mempunyai Akaun Semasa atau Simpanan HLB/Akaun Semasa-i atau Simpanan-i HLISB (“CASA/CASA-i”) (“Akaun/Akaun-i Sertaan”) yang baharu dan sedia ada dan mendaftar untuk Perbankan Dalam Talian HLB Connect dan Perbankan Mudah Alih HLB Connect (“HLB Connect”) sebelum atau semasa Tempoh Promosi (“Pelanggan”).
2. Bagi mengelakkan keraguan:
  - i) pelanggan baharu merujuk kepada pelanggan yang tidak mempunyai sebarang produk dengan Bank sebelum Tempoh Promosi;
  - ii) pelanggan sedia ada merujuk kepada pelanggan yang mempunyai sebarang produk dengan Bank sebelum Tempoh Promosi; dan
  - iii) pemegang CASA/CASA-i bersama **TIDAK** layak membuka atau mengendalikan Akaun eFD-i (seperti yang ditakrifkan di bawah) dan **TIDAK** layak menyertai Promosi ini.
3. Pelanggan yang telah melakukan atau disyaki melakukan penipuan atau kesalahan undang-undang berkaitan dengan mana-mana kemudahan yang diberi oleh Bank atau telah diisytiharkan mufliis atau bakal dikenakan prosiding kemufliisan pada bila-bila masa sebelum atau semasa Tempoh Promosi atau telah mengingkari mana-mana T&S yang terkandung di dalam Terma & Syarat Umum Akaun untuk Deposit dan Deposit Perbankan Islam, Terma & Syarat Penggunaan HLB Connect dan Terma & Syarat yang berkenaan dengan Akaun CASA/CASA-i dan eFD-i **TIDAK** layak menyertai atau akan serta-merta dilucutkan kelayakannya daripada menyertai Promosi.
4. Pelanggan yang telah melakukan, atau ditentukan oleh Bank berpotensi melakukan sebarang perbuatan salah yang dinyatakan di dalam ini akan dilucutkan kelayakannya daripada menyertai Promosi.
5. Promosi ini **TIDAK** sah dengan promosi-promosi lain yang ditawarkan oleh Bank dari semasa ke semasa.

### KAEDAH PROMOSI

6. Pelanggan yang memenuhi kriteria kelayakan di atas dan yang membuat peletakan Deposit Tetap-i Dalam Talian (“eFD-i”) ke dalam akaun pelanggan sama ada baru atau sedia ada bagi eFD-i (**Akaun**

**eFD-i** melalui HLB Connect bagi amaun tidak kurang daripada Amaun Peletakan Minimum eFD-i dan tidak lebih Amaun Peletakan Maksimum eFD-i ("**Amaun Peletakan eFD-i**") bagi tempoh yang ditetapkan dalam Jadual 1 di bawah ini semasa Tempoh Promosi adalah berhak menikmati Kadar Promosi eFD-i seperti yang tertera di dalam Jadual 1 berikut:

**Jadual 1**

Tempoh	Kadar Promosi <sup>1</sup>	Amaun Peletakan Minimum eFD-i	Amaun Peletakan Maksimum eFD-i
6 bulan	4.00% setahun	RM1,000	RM200,000

<sup>1</sup> Kadar Promosi mungkin disemak semula mengikut budi bicara Bank dengan memberikan notis terlebih dahulu.

7. Pelanggan yang telah memenuhi kriteria dalam Klausa 6 di atas dirujuk sebagai "**Pelanggan Layak**".
8. Bagi tujuan Promosi ini, semua peletakan eFD-i mestilah dibuat melalui *Financial Process Exchange* ("**FPX**") daripada bank lain. FPX adalah suatu cara pembayaran selamat dalam talian yang memudahkan pindahan dana antara bank, dipermudahkan oleh Payments Network Malaysia Sdn. Bhd. Butiran lanjut berkaitan dengan FPX boleh disemak di <https://www.paynet.my/business-fpx.html>.
9. Amaun deposit maksimum setiap transaksi melalui FPX ialah **Ringgit Malaysia Dua Ratus Ribu (RM200,000)** atau tertakluk kepada amaun maksimum / had pindahan ditetapkan dalam perbankan internet individu Pelanggan Layak yang diselenggarakan dengan bank berkenaan.
10. Pemprosesan peletakan eFD-i mungkin mengambil masa sehingga dua (2) hari bekerja dan dengan itu, tarikh efektif peletakan eFD-i akan bermula selepas proses peletakannya berjaya disempurnakan. Bank tidak akan bertanggungjawab atas kelewatan atau kerugian yang mungkin ditanggung oleh Pelanggan Layak kerana masa yang diperlukan untuk memproses peletakan eFD-i.
11. Kadar Promosi eFD-i hanya akan dapat dinikmati bagi peletakan yang dibuat oleh Pelanggan Layak menerusi HLB Connect antara pukul 06:00 pagi dengan 12:00 tengah malam sepanjang Tempoh Promosi atas dasar siapa cepat dia dapat. Untuk mengelakkan keraguan, peletakan eFD-i mesti dihantar selewat-lewatnya pada pukul 12:00 tengah malam pada hari terakhir Promosi agar peletakan tersebut diterima.
12. Pada tarikh matang, Amaun Peletakan eFD-i pokok akan diperbaharui secara automatik pada kadar semasa eFD-i atau dikeluarkan secara automatik dan dikreditkan ke dalam CASA/CASA-i Ditetapkan yang telah dipilih oleh Pelanggan Layak semasa peletakan eFD-i tersebut dibuat.
13. Jumlah saiz dana untuk Promosi ini adalah seperti yang ditetapkan dalam Jadual 2 di bawah ("**Had Saiz Dana**"):

**Jadual 2**

Tempoh	Had Saiz Dana
6 bulan	RM250 juta

14. Jika Amaun Peletakan eFD-i melebihi Amaun Peletakan Maksimum eFD-i yang ditetapkan atau Had Saiz Dana telah dicapai, amaun lebihan Peletakan eFD-i tersebut akan tertakluk pada kadar eFD-i semasa seperti yang ditentukan oleh Bank.
15. Tanpa mengambil kira sebarang klausa dalam T&C ini, Bank berhak untuk mengubah Tempoh Promosi, Kadar Promosi dan/atau kriteria/keperluannya untuk Promosi ("**Variasi Tempoh Promosi, Kadar Promosi atau Kriteria**"),
  - (a) dengan memberi notis awal melalui
    - i) pengumuman di laman web HLISB; atau
    - ii) notis di cawangan HLB/HLISB; atau
    - iii) mana-mana cara pemberitahuan lain yang Bank dapati wajar.
  - (b) Variasi Tempoh Promosi, Kadar Promosi atau Kriteria hendaklah dianggap sebagai terikat ke atas Pelanggan Layak dari tarikh berkuat kuasa seperti yang dinyatakan oleh Bank dalam pemberitahuan berkenaan.
  - (c) Pelanggan bersetuju untuk mengakses laman web HLISB dari semasa ke semasa untuk menyemak T&S Promosi bagi memastikan Pelanggan mengikuti sebarang Variasi Tempoh Promosi, Kadar Promosi atau Kriteria.

Sebarang Variasi Tempoh Promosi, Kadar Promosi atau Kriteria tidak terpakai untuk peletakan eFD-i yang dibuat sebelum tarikh perubahan tersebut dikuat kuasakan.

16. Pelanggan Layak dikehendaki menamakan CASA/CASA-i yang dibuka dengan Bank di bawah nama individu Pelanggan Layak ("**CASA/CASA-i Ditetapkan**") bagi tujuan mengkreditkan keuntungan yang diperolehi di bawah Promosi ini. Keuntungan yang diperolehi akan dikreditkan ke dalam CASA/CASA-i Ditetapkan Pelanggan Layak pada tarikh matang.
17. Jika Amaun Peletakan eFD-i dikeluarkan sebelum tempoh matang, sama ada secara keseluruhan atau sebahagian, tiada keuntungan akan dibayar bagi amaun pengeluaran pramatang eFD-i, tanpa mengira bilangan bulan yang lengkap pada masa pengeluaran pramatang dibuat. Bagi mengelakkan sebarang keraguan, keuntungan akan dikira berdasarkan baki Amaun Pokok setelah pengeluaran dibuat.
18. Pelanggan Layak dengan produk eFD-i hendaklah bersetuju melepaskan hak untuk menuntut harga jualan penuh bagi sebarang pengeluaran eFD-i sebelum tarikh matang.
19. Tertakluk pada Klausa 17 T&S Promosi, pengeluaran sebahagian Amaun Peletakan eFD-i dibenarkan dengan gandaan **Ringgit Malaysia Satu Ribu (RM1,000)** sahaja. Walau bagaimanapun, jika baki dalam eFD-i kurang daripada **Ringgit Malaysia Tiga Ribu (RM3,000)**, pengeluaran sebahagian tidak dibenarkan bagi akaun tersebut dan sebarang pengeluaran akan dianggap sebagai pengeluaran pramatang dari keseluruhan Amaun Peletakan eFD-i mengikut Klausa 17.
20. Amaun Peletakan eFD-i **TIDAK** boleh digunakan sebagai cagaran untuk tujuan menjamin apa-apa kemudahan kredit yang diperolehi atau akan diperolehi oleh Pelanggan Layak.

## **UMUM**

21. Dengan menyertai Promosi ini, Pelanggan bersetuju:
  - (i) telah membaca, memahami dan bersetuju untuk mematuhi T&S Promosi dan Terma dan Syarat Umum Akaun bagi Deposit dan Deposit Perbankan Islam, Terma dan Syarat Penggunaan HLB Connect dan erma dan Syarat berkaitan dengan Akaun CASA/CASA-i dan Akaun eFD-i;
  - (ii) bahawa semua rekod pemenuhan syarat kelayakan yang direkod oleh sistem Bank dalam Tempoh Promosi adalah muktamad;
  - (iii) bahawa keputusan Bank atas semua hal berkaitan dengan Promosi ini adalah muktamad dan terikat ke atas semua Pelanggan;
  - (iv) untuk mengakses Laman Sesawang HLISB di [www.hlisb.com.my](http://www.hlisb.com.my) ("**Laman Sesawang Bank**") secara kerap untuk menyemak T&S Promosi dan memastikan sentiasa mengikuti apa-apa perubahan atau pindaan yang dibuat kepada T&S;
  - (v) keuntungan yang diperolehi tidak boleh dipindah milik kepada mana-mana pihak ketiga (ke-3) dan tidak boleh ditukar untuk kredit, cek atau manfaat seumpamanya; dan
  - (vi) bertanggungjawab dan menanggung sendiri semua cukai berkenaan, yuran kerajaan atau apa-apa caj lain yang mungkin dikenakan terhadap mereka di bawah undang-undang berkenaan, jika ada, berkaitan dengan penyertaan dalam Promosi ini.
22. Bank berhak:
  - (i) menambah, menggugurkan, menggantung atau meminda keseluruhan atau sebahagian T&S terkandung di dalam ini atau menamatkan Promosi ini dengan cara menyiarkannya dalam Laman Sesawang Bank atau dengan apa-apa cara yang dianggap sesuai oleh Bank pada bila-bila masa dengan memberi notis awal; dan
  - (ii) membatalkan keuntungan yang diperolehi sekiranya Pelanggan Layak tidak mematuhi T&S di sini, dan Terma dan Syarat Umum Akaun bagi Deposits dan Deposit Perbankan Islam, Terma dan Syarat Penggunaan HLB Connect dan terma dan syarat berkaitan dengan Akaun CASA/CASA-i dan Akaun eFD-i; dan
  - (iii) untuk menarik semula dana jika terdapat sebarang penipuan, atau pelanggaran Promosi T&S dikesan.
23. T&S di dalam ini, Terma dan syarat Umum Akaun bagi Deposit and Deposit Perbankan Islam, Terma dan Syarat Penggunaan HLB Connect dan terma dan syarat berkaitan dengan Akaun CASA/CASA-i dan Akaun eFD-i hendaklah dibaca sebagai suatu perjanjian keseluruhan. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan, maka T&S tertentu di dalam ini hendaklah diutamakan setakat percanggahan tersebut.
24. Jika terdapat percanggahan antara T&S dengan bahan pengiklanan, promosi, publisiti dan bahan-bahan lain berkaitan atau bersabit dengan Promosi ini, maka T&S dalam Laman Sesawang Bank akan diutamakan.
25. T&S ini tertakluk pada dan ditafsirkan selaras dengan undang-undang Malaysia dan Pelanggan bersetuju untuk akur kepada bidang kuasa Mahkamah-mahkamah Malaysia secara eksklusif.
26. Perkataan yang menandakan satu jantina termasuk semua jantina lain dan perkataan yang menandakan tunggal termasuk jamak dan begitu juga sebaliknya.

**Ahli PIDM. eDeposit Tetap-i dilindungi oleh PIDM sehingga RM250,000 untuk setiap pendeposit (rujuk [Produk Layak untuk Perlindungan PIDM](#)).**

**eDeposit Tetap-i Dalam Talian berdasarkan kontrak Syariah Tawarruq.**

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan mengenai T&S, anda boleh mendapatkan penjelasan daripada kakitangan kami yang membantu anda. Sebagai alternatif, sila e-mel kami di [hlonline@hlbb.hongleong.com.my](mailto:hlonline@hlbb.hongleong.com.my)